

**Affin Bank Sasar Lebih Ramai Pelanggan Dengan Promosi Tahun Baru Cina
Bernama
22 Januari, 2013**

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Affin Bank Bhd menjangka menarik lebih ramai penyertaan bagi kempen Promosi Affinbank Triple Fortune bersempena dengan sambutan perayaan Tahun Baru Cina akan datang.

Pengarah Perbankan Penggunanya, Idris Abd Hamid berkata promosi itu akan berlangsung dari 1 Jan hingga 31 Mac, 2013.

Beliau berkata untuk mengambil bahagian dalam promosi itu, pelanggan hanya perlu mendeposit RM20,000 ke dalam Affinbank atau Affin Islamic Bank.

"Promosi kami merupakan satu wadah efektif bagi mewujudkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan Affinbank di kalangan pelanggan kami," katanya kepada pemberita selepas majlis Penyampaian Hadiah O.M.G The Trilogy, hari ini.

Di bawah promosi itu, pelanggan boleh menikmati kadar sehingga 3.71 peratus setahun bagi akaun simpanan dan akaun semasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=923617>